

TARIKH	1 / 11 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	14	RUANGAN	Nasional

## Seri Paduka pulang dari Makkah

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Haminah Hamidun, tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, Kedah, malam tadi, selepas menunaikan ibadat haji sejak 19 Oktober lalu. Seri Paduka berdua disambut Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah, Tan Sri Tunku Anuar Sultan Badlishah dan Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak serta beberapa kenamaan lain.

